



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 23/1/2011       |

# Kebiasaan Azmin terhadap bapa angkatnya, Dr. Mahathir ketika sakit Ummi wakili keluarga mohon maaf

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 22 Jan.** - Ummi Hafilda Ali (gambar) mewakili ibu dan kakak-kakaknya memohon maaf kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad atas kebiasaan, keterlanjuran dan kekasaran abangnya, Azmin terhadap bekas Perdana Menteri itu.

Menurut Ummi Hafilda, mereka sekeluarga berasa malu dengan tindakan melampau Azmin yang sanggup menyumpah Dr. Mahathir sebagai 'orang yang tersungkur' ketika bekas Perdana Menteri itu sakit baru-baru ini.

"Ketika Azmin sakit dulu, Tun lapkan badan Azmin dan meminta pihak hospital memastikan hanya doktor, makanan, ubat dan rawatan yang ter-

baik untuknya. Tetapi ketika Tun sakit, ditertawakannya di depan umum, disumpah supaya cepat mati.

"Malu kami Tun (Dr. Mahathir). Semoga Allah SWT membalas setimpal dengan lidahnya yang jahat dan perbuatannya yang seperti Yahudi itu," katanya.

Ummi Hafilda berkata demikian dalam entri terbaru beliau seperti yang disiarkan menerusi laman blognya <http://srikandi7.blogspot.com>, hari ini.

Beliau dalam entri yang sama turut melahirkan rasa kasihan terhadap Dr. Mahathir kerana difitnah oleh Azmin

dengan dahsyat di seluruh dunia disebabkan dendam kesumat kerana tidak dimewahkan dari segi kewangan dan projek.

Katanya, Azmin lupa ketika terlantar sakit kerana pembedahan membuang salah satu buah pinggang, Dr. Mahathir sempat meluangkan masa melawat di sebalik kesibukan beliau sebagai Perdana Menteri.

"Saya dan ibu juga cukup terharu dalam satu kejadian di depan mata kami, Dr. Mahathir sanggup mengelap badan Azmin dengan tuala suam di seluruh badan selepas pembedahan.

"Bergenang air mata kami (me-

ngenangkan) sifat mulia seorang doktor yang begitu terserlah sehingga Dr. Mahathir terlupa beliau ialah seorang Perdana Menteri yang dikagumi di seluruh dunia," katanya.

Ummi Hafilda turut membuka kisah silam hubungan Dr. Mahathir dengan Azmin sebelum ini yang disifatkan melebihi seorang bapa angkat yang begitu kasih dan prihatin kepada anak angkatnya.

Katanya, Azmin sangat bertuah kerana mendapat perhatian dan sanjungan yang hebat daripada Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Perdana Menteri kerana penglibatannya yang agak aktif sebagai pemimpin pelajar sewaktu menuntut di Amerika Syarikat.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah, tambah Ummi Hafilda, ma-

na-mana graduan yang baru mendapat ijazah terus ditawarkan bekerja dengan Perdana Menteri sebagai pegawai khas seperti yang berlaku kepada Azmin.

Kata Ummi Hafilda lagi, mereka sekeluarga ketika itu berasa gembira dan bangga kerana abang kesayangannya itu begitu dikagumi oleh Perdana Menteri.

"Dipendekkan cerita, selepas beberapa bulan Azmin bekerja dengan Tun dengan penuh hemah dan jayanya, Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) meluahkan kepada Tun untuk meminjam Azmin beberapa bulan dengan alasan setiausaha beliau, Datuk Nasarudin Abdul Jalil (Al-lahyarham) ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara," katanya.

Menurut beliau, Dr. Mahathir yang ketika itu sememangnya percaya dengan Anwar tanpa buruk sangka, sudi dan rela melepaskan Azmin dalam keadaan terpaksa.

"Saya ada cerita yang bermula daripada Nasarudin tentang Azmin dan Anwar yang merupakan lanjutan daripada satu kejadian.

"Tetapi tidak mengapalah, kita bercerita sahaja di dalam mahkamah nanti dengan memanggil seorang saksi kejadian itu," kata Ummi Hafilda.

Dalam blognya itu, Ummi Hafilda turut mendedahkan mengenai kekayaan Azmin dan teka-teki sebuah rumah di No. 8, Jalan Chan Chin Mooi, Tasik Titiwangsa yang dikatakan berharga antara RM7 juta hingga RM8 juta.

